

Usim perkemas kaedah pengajaran tiga bahasa utama

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) memperkemas silibus pendidikan tiga bahasa utamanya, bahasa Inggeris, Arab dan Mandarin dengan menekankan aspek penggunaan bagi menjana kegiatan perniagaan, korporat dan pelancongan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata langkah itu secara tidak langsung membolehkan pelajar universiti berkenaan meningkatkan kemahiran tiga bahasa berkenaan.

Beliau berkata, perkembangan ekonomi terutama membabitkan pelabur China, Asia Barat dan Eropah turut menyebabkan pelajar perlu menguasai kemahiran bahasa berkenaan untuk pelbagai penggunaan, bukan komunikasi semata-mata.

Jika sebelum ini pelajar hanya mengikuti sesuatu program untuk menambahkan kemahiran menguasai lebih dua bahasa, katanya, kini mereka menggunakannya untuk kegiatan lebih bermanfaat.

"Sebagai pakar ekonomi contohnya, jika mereka dapat menguasai bahasa Arab dengan baik, kemahiran berkenaan boleh digunakan sepenuhnya untuk menjadi jurucakap kepada pelabur Asia Barat. Begitu juga dengan penguasaan bahasa Mandarin dan Inggeris.

"Menjalankan tugas sebagai penterjemah perniagaan dan korporat akan membantu graduan meningkatkan nilai ditambah dan lebih berdaya saing dalam industri pekerjaan.

"Begitu juga dalam sektor pelancongan, negara memerlukan graduan berkeelayakan serta mampu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris walaupun Arab," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Memandangkan Malaysia kini menjadi tumpuan pelancong Asia Barat, Abdul Shukor berkata, pelajar perlu merebut peluang dengan meningkatkan penguasaan bahasa berkenaan bagi memenuhi keperluan sektor pelancongan negara.

Sebagai contoh, beliau berkata, graduan mampu berkomunikasi dalam bahasa Arab boleh berdikari dengan menjadi penterjemah bebas di mana-mana agensi pelancongan.

Katanya, ini terbukti apabila ramai pelajar Usim yang mengikuti program bahasa Arab berpeluang menyertai latihan amali di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di Sepang.

"Selain mengumumkan jadual penerbangan, mereka juga ditugaskan mengendali pelancong Arab bermula dengan kehadiran mereka di Malaysia hingga ke hotel dan berkunjung ke tempat menarik seluruh negara.

"Sehubungan itu, usaha mempelbagaikan penggunaan bahasa di kalangan pelajar universiti ini dirangka khas bagi memenuhi keperluan industri," katanya.

Dalam hal berkaitan, Abdul Shukor berkata, pelajar universiti itu tidak hanya dilatih menguasai sesuatu bahasa, sebaliknya menekankan penggunaannya bagi memenuhi keperluan sesuatu sektor yang dapat menjana ekonomi secara mampan.

Katanya, pelajar cemerlang program bahasa yang diikuti selama tiga tahun berpeluang mengikuti latihan amali di China bagi bahasa Mandarin; Perth, Australia (bahasa Inggeris) dan beberapa universiti di Syria dan Arab Saudi (Arab).

"Semua peruntukan dibiayai Usim, manakala kos sara hidup disediakan pelajar sendiri," katanya.